



PERATURAN PERTANDINGAN TRESURE HUNT PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA 2025

1.0 NAMA KEJOHANAN

- 1.1 Kejohanan ini dinamakan "TREASURE HUNT PBBM 2025".

2.0 KELAYAKAN PESERTA

- 2.1 Peserta yang dibayar gaji oleh organisasi yang menjadi ahli PBBM dan tertakluk kepada perkara-perkara seperti berikut :-
- 2.1.1 Peserta-peserta yang berkhidmat sekurang-kurangnya 90 hari (3 bulan) dari tarikh mula kejohanan.
 - 2.1.2 Peserta yang berkhidmat kurang dari 12 bulan daripada tarikh mula kejohanan adalah diwajibkan mengemukakan salinan penyata KWSP terkini.
 - 2.1.3 Borang pendaftaran peserta yang lengkap dengan nama peserta dan lain-lain maklumat yang diperlukan bersama-sama salinan kad pekerja dan penyata gaji 3 bulan yang telah disahkan oleh Ketua Kontinjen hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengelola tidak lewat daripada 30 hari sebelum tarikh mula kejohanan.
 - 2.1.4 Pertukaran peserta boleh dibuat sebelum atau pada Taklimat Pengurus Pasukan dijalankan. Sebarang permohonan untuk pindaan/pertukaran nama pemain selepas Taklimat Pengurus Pasukan tidak akan dibenarkan sama sekali.
- 2.2 Mana-mana organisasi yang mendaftarkan peserta yang bukan daripada organisasi tersebut akan dibatalkan penyertaan peserta tersebut oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan. Perkara ini juga akan dilaporkan kepada Ketua Organisasi yang terlibat.

3.0 PENDAFTARAN DAN TAKLIMAT

- 3.1 Setiap pasukan hendaklah mengisi borang pendaftaran dan menandatangani pengakuan penyertaan.
- 3.2 Setiap agensi boleh menghantar dua pasukan sahaja.
- 3.3 Sekurang-kurangnya seorang ahli pasukan perlu hadir pada sesi pengesahan penyertaan, pemeriksaan kenderaan dan taklimat yang dijadualkan pada tarikh dan tempat seperti berikut:

Tarikh : 13 Jun 2025 (Jumaat)
Masa : 4.00 petang
Tempat : UiTM, Permatang Pauh

- 3.4 Pasukan yang tidak hadir di sesi taklimat dan pemeriksaan kenderaan tersebut akan dibatalkan penyertaannya dan yuran penyertaan tidak akan dikembalikan.
- 3.5 Semua peserta perlu hadir di tempat pelepasan selewat-lewatnya pada jam 7.30 pagi. Pelepasan akan bermula pada jam 8.00 pagi, 14 Jun 2025 (Sabtu).

4.0 FORMAT ACARA

- 4.1 Semua pasukan diingatkan untuk mematuhi syarat-syarat dan undang-undang trafik semasa di jalan raya dan peraturan pertandingan yang ditetapkan oleh pihak penganjur pada setiap masa sepanjang pertandingan ini berlangsung.
- 4.2 Arah tuju pemanduan adalah berpandukan penunjuk arah yang akan diberi di permulaan acara. Penunjuk arah biasanya adalah dengan menggunakan kaedah 'Rally Tulip'. Setiap pasukan akan menerima panduan tulip beserta soalan pada permulaan acara.
- 4.3 Semua peserta perlu hadir di tempat pelepasan pada jam 7.30 pagi. Pelepasan akan bermula pada jam 8.00 pagi.
- 4.4 Pelekat kenderaan akan dibekalkan oleh pihak penganjur untuk dilekatkan pada kenderaan peserta dalam tempoh acara.
- 4.5 Set jawapan soalan yang lengkap hendaklah diserahkan kepada pegawai petugas di 'Finish Control' di Hotel Sri Malaysia sebelum pukul 3.00 petang pada 14 Jun 2025. Harta karun yang diserahkan menjadi hak pengelola.

5.0 SISTEM PEMBERIAN MARKAH DAN PENENTUAN PEMENANG

- 5.1 Penentuan pemenang akan dibuat oleh jawatankuasa penganjur berdasarkan ciri penilaian dari segi:
 - 5.1.1 Setiap jawapan yang tepat dan lengkap
 - 5.1.2 Kepantasan masa
 - 5.1.3 Barang harta karun
- 5.2 Keputusan pertandingan yang diumumkan oleh Jawatankuasa Penganjur adalah muktamad.

6.0 HADIAH

- 6.1 Hadiah merupakan wang tunai, medal dan hamper.
 - Johan : RM2,500.00
 - Naib Johan : RM2,000.00
 - Ketiga : RM1,500.00

7.0 HAL-HAL LAIN

- 7.1 Penganjur berhak membatalkan acara ini pada bila-bila masa jika perlu dan yuran penyertaan akan dikembalikan.
- 7.2 Yuran penyertaan tidak akan dipulangkan sekiranya pasukan yang menyertai pertandingan ini menarik diri.
- 7.3 Penganjur berhak:
 - 7.3.1 Menolak sebarang penyertaan samada semasa atau selepas menerima permohonan;
 - 7.3.2 Melarang atau membatalkan mana-mana ahli pasukan menyertai mana-mana pasukan;
 - 7.3.3 Tidak melayakkan mana-mana pasukan yang didapati bersalah iaitu:
 - 7.3.3.1 Melanggar peraturan acara, undang-undang jalanraya dan trafik
 - 7.3.3.2 Berpakat untuk menipu
 - 7.3.3.3 Memberi maklumat tidak tepat/palsu
 - 7.3.3.4 Gagal menyempurnakan acara dalam tempoh masa ditetapkan

- 7.3.4 Peraturan-peraturan ini boleh ditambah atau dipinda mengikut budi bicara Jawatankuasa Penganjur. Peraturan atau syarat tambahan atau pindaan akan dimaklumkan oleh pihak penganjur semasa taklimat sebelum pelepasan. Interpretasi serta keputusan mengenai acara adalah hak penganjur dan peserta adalah tertakluk kepada keputusan tersebut;
- 7.3.5 Pihak penganjur tidak bertanggungjawab terhadap risiko seperti kemalangan, kerugian dan sebagainya kepada mana-mana peserta sebelum, semasa atau selepas pertandingan ini atau disebabkan pertandingan ini;
- 7.3.6 Sebarang tuntutan tidak akan dilayan. Setiap peserta hendaklah mematuhi undang-undang jalanraya dan memastikan kenderaan adalah di dalam keadaan baik serta selamat digunakan bagi keseluruhan acara ini